



**JULIA** (tujuh dari kanan) merakamkan gambar kenangan bersama Kasim dan para peserta bengkel.

# Bengkel inokulasi gaharu terap ilmu kepada pengusaha

UB 18.4.2014 B12

**KOTA KINABALU:** Penanaman pokok gaharu semakin mendapat sambutan dalam kalangan pengusaha dan pekebun kecil di Malaysia ekoran pulangan lumayan yang mampu diraih daripada hasil komoditi itu.

Justeru, selaras dengan peranan sebagai pusat penyebaran ilmu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Sekolah Pehutan Tropika Antarabangsa (SPTA) menganjurkan Bengkel Kebangsaan Inokulasi Gaharu 2014.

Bengkel itu bertujuan berkongsi maklumat mengenai kaedah dan teknologi baharu berkenaan industri gaharu oleh pakar-pakar dalam dan luar negara.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Panglima Yahya Hussien berkata, industri itu dilihat berkembang pesat dengan peningkatan jumlah pekebun gaharu di Sabah setiap tahun.

“Saya berpandangan bahawa bengkel ini adalah sangat bertepatan untuk menghimpun semua pengusaha gaharu sama ada daripada pihak kerajaan mahupun swasta untuk sama-sama mencari kaedah inokulasi paling sesuai bagi industri gaharu di Sabah,” katanya.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Sabah Julia Lamdin.

Terdahulu, Naib Canselor



**SALAH** orang peserta membentangkan kertas kerja pada bengkel itu.



UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, pengetahuan mengenai inokulasi gaharu amat diperlukan oleh para penanam gaharu di Sabah agar golongan itu mendapat pulangan yang setimpal.

“Justeru, bengkel ini dapat memberikan satu pengisian berguna kepada para peserta sekaligus mampu menyediakan landasan yang kukuh bagi memastikan kemajuan industri gaharu di Sabah,” katanya dalam teks ucapannya yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Madya Datuk Dr Hj Kasim Hj Md Mansur.

Bengkel Kebangsaan Inokulasi Gaharu 2014 yang dianjurkan dengan kerjasama G&G Management and Consultant Sdn Bhd itu berjaya menghimpunkan lebih 200 peserta dari seluruh negara.

**LEBIH** 200 peserta dari seluruh negara dihimpunkan pada Bengkel Kebangsaan Inokulasi Gaharu 2014.